

Newspaper	Berita Harian
Date	7/4/2011



NAJIB mencatat sesuatu dalam Fail Meja Perdana Menteri sebaik memasuki pejabatnya untuk memulakan tugas rasmi sebagai Perdana Menteri di Tingkat 5, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, pagi semalam.

Media medan dialog

Najib mahu media bentuk
wacana nasional baru berasaskan
ketelusan, tanggungjawab

Oleh Norfatimah Ahmad dan Anwar
Patho Rahman
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak malam tadi mengajak media bersama-sama kerajaan membentuk wacana nasional baru berasaskan prinsip ketelusan dan pertanggungjawaban, berkhidmat untuk semua, bukan kelompok tertentu serta menghormati dan adil terhadap pandangan rakyat. Perdana Menteri menegaskan

negara memerlukan media ber taraf dunia yang membuat laporan berdasarkan fakta dan sentiasa bersikap adil dan bertanggungjawab.

"Ini penting jika kita ingin mengadakan debat yang membina bagi masa depan negara untuk keluar daripada teori kewartawan konspirasi dan khabar angin," katanya pada Malam Anugerah Wartawan Institut Akhbar Malaysia - Petronas 2008 di sini.